

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
[SEGAMBUT]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk mewajibkan penyediaan pembersih tangan seperti 'handwash' dan 'hand sanitiser' di semua tempat awam termasuk di tandas, pasar, lif perumahan kos rendah/PPR dan apakah tindakan penguatkuasaan yang bakal diambil jika ini gagal disediakan bagi melawan COVID-19.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyediakan *Standard Operating Procedure* (SOP) di bawah Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi sektor-sektor berkaitan yang mewajibkan pemilik premis yang berkenaan atau pihak pengurusan untuk menyediakan kemudahan pencucian tangan atau *hand sanitizer* kepada pekerja, pelanggan atau pengunjung serta keperluan dalam mematuhi amalan Norma Baharu.

2. Selaras dengan pematuhan arahan SOP MKN dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), PBT diminta mewajibkan penyediaan tempat mencuci tangan dengan sabun atau *hand sanitizer* di tandas awam, pasar awam dan tempat tumpuan awam dengan di setiap pintu masuk tandas awam dan laluan keluar masuk pasar awam.

3. Selain itu, SOP MKN juga mensyaratkan dan mewajibkan penyediaan perkara-perkara seperti berikut di semua lokasi tempat awam:

- a. alat pengukur suhu badan;
- b. penandaan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter; dan
- c. penggunaan *QR code* MySejahtera di semua lokasi kunjungan awam seperti di dewan-dewan komuniti dan pasar raya awam.

4. Bagi setiap perumahan kos rendah dan Program Perumahan Rakyat (PPR), KPKT menggalakkan ejen pengurusan PPR menyediakan keperluan pencegahan COVID-19 sebagaimana SOP MKN bagi Sektor Pengurusan Strata. Manakala penguatkuasaan dan kawal selia perumahan kos rendah di bawah bidang kuasa PBT/Kerajaan Negeri

adalah melalui penyelarasan oleh Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) masing-masing.

5. SOP MKN telah diwartakan sebagai Arahan Ketua Pengarah Kesihatan di bawah Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No.7) 2020. Oleh itu, tindakan penguatkuasaan boleh diambil oleh Pegawai Diberi Kuasa di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) seperti tindakan kompaun dan mahkamah. Kadar kompaun adalah sebanyak RM1,000.00 untuk setiap kesalahan. Walaupun PBT tidak diturunkan kuasa untuk mengkompaun kesalahan di bawah Akta 342 dan Akta Polis 1967, PBT boleh mengambil tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 109 Akta Kerajaan Tempatan [Akta 171] kerana tidak mematuhi notis atau perintah.

6. Untuk makluman Yang Berhormat juga, PBT boleh mengenakan syarat tambahan pelesenan kepada semua jenis perniagaan yang dikeluarkan lesen premis termasuk premis makanan yang berlesen dengan PBT supaya mematuhi SOP MKN dan Akta 342 termasuk syarat penyediaan *hand wash*, *hand sanitizer*, pembersihan dan nyah kuman (sanitasi awam). Kegagalan mematuhi syarat ini, PBT boleh mengeluarkan kompaun sebanyak RM250 di bawah Undang-Undang Kecil (UUK) Establisyment Makanan.

Sekian, terima kasih.